



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH

**KECUAIAN BUKAN ALASAN,  
NYAWA BUKAN GURAUAN**



Tarikh Bacaan:  
**7 NOVEMBER 2025M / 16 JAMADILAWWAL 1447**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa***  
***Panel Semakan Teks Khutbah***  
***Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Kecuaian Bukan Alasan, Nyawa Bukan Gurauan

7 November 2025M/16 Jamadilawal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ  
اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٦٥﴾ سورة البقرة

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, iaitu dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah bukanlah mereka yang memiliki harta berjuta atau pangkat dan gelaran di mata dunia, tetapi yang paling mulia adalah mereka yang bertakwa. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba-Nya yang beroleh bahagia di dunia dan keselamatan dari api neraka.

Sebelum bicara khatib dilanjutkan, khatib ingin berpesan, agar semua perkara lagha ditinggalkan. Janganlah kita dilalaikan oleh urusan dunia, terutamanya melalui telefon bimbit atau gajet yang ada pada kita



sekarang ini. Berikan sepenuh tumpuan kepada khutbah hari ini yang membawa tajuk: **“Kecuaian Bukan Alasan, Nyawa Bukan Gurauan.”**

### **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,**

Sejak kebelakangan ini keresahan dan ketakutan untuk memandu kenderaan timbul di hati masyarakat. Resah dan gelisah dengan tingkah laku pemandu di jalan raya, daripada sekecil kenderaan motosikal sehingga kenderaan berat menjadikan jalan raya sebagai lokasi yang amat digeruni.

Islam sebagai agama rahmat sentiasa ingin memastikan umatnya agar hidup dengan aman dan tenteram. Nyawa merupakan amanah dan nikmat kurniaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kepada manusia. Namun sikap sesetengah pemandu seolah hilang pertimbangan dan kawalan apabila memegang stereng kenderaan akhirnya mengundang pelbagai kerosakan dan kehilangan jiwa.

Kenyataan ini merujuk kepada fakta dan data yang dikeluarkan pada hari peringatan mangsa kemalangan jalan raya sedunia 2024 oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Statistik kemalangan jalan raya bagi tahun 2024, bermula Januari sehingga Oktober adalah sebanyak 532,125 kes dengan rekod 5,364 kes kematian. Secara puratanya ia melibatkan 1,729 kes sehari dengan 14 kes kematian!

Angka ini mengingatkan kita kepada teguran tegas Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** melalui firman-Nya yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berlaku baiklah, sesungguhnya Allah sukakan orang yang melakukan kebaikan”* ﴿Surah al-Baqarah ayat 195﴾

Ingatlah, setiap kemalangan bukan sekadar peristiwa biasa, bahkan ia akan membawa musibah dan malapetaka yang meninggalkan kesan mendalam pada diri dan keluarga. Ia akan berakhir sama ada dengan kematian, kecacatan kekal atau trauma yang berpanjangan.

Mimbar percaya, kita masih berduka atas tragedi yang meragut 15 nyawa bakal guru akibat kemalangan di Lebuhraya Timur-Barat bulan Jun yang lalu. Bayangkan bagaimana keperitan seorang ibu dan ayah menahan rindu mengenangkan anak yang telah tiada, atau seorang anak yang melalui kehidupan yang sunyi tanpa kasih ayah dan ibu apabila menjadi yatim piatu sekelip mata hanya kerana satu detik kecuai di jalan raya.

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Kes kemalangan seolah-olah menemui jalan buntu. Lihatlah sikap sesetengah pemandu di jalan raya yang memandu terlalu laju tanpa mempedulikan keselamatan. Ada yang tetap memegang stereng walau dalam keadaan mengantuk dan terlalu letih, malah ada yang leka dengan telefon bimbit sehingga nyawa sendiri dan orang lain menjadi taruhan.

Selain itu, sikap ego dan tidak sabar ketika berada di jalan raya juga menjadi antara penyebab utama kemalangan. Tidak kurang juga kes kenderaan yang tidak diselenggara dengan baik menjadi penyebab utama kemalangan jalan raya.

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Sebagai solusi terbaik bagi mengatasi isu ini, mimbar ingin berkongsi empat cadangan penyelesaian yang boleh dihayati dan diamalkan iaitu:

**Pertama:** Kita hendaklah sentiasa mengamalkan doa serta bertawakal kepada Allah *سُبْحَانَكَ وَتَعَالَى* sebelum keluar rumah dan menaiki kenderaan.

**Kedua:** Kita hendaklah sentiasa mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan agar dapat mengelakkan diri dari sebarang musibah.

**Ketiga:** Kita hendaklah mengelakkan diri daripada bersikap tergojoh-gejoh dan ego serta berusaha mendidik diri untuk bersabar dan berhemah di jalan raya.

**Keempat:** Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang bagi setiap kesalahan jalan raya.

Oleh itu setiap muslim perlu sedar dan sentiasa berwaspada ketika berada di jalan raya. Kesedaran mengenai aspek keselamatan di jalan raya sangat penting untuk mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini. Perlu difahami bahawa menjaga nyawa dan harta benda adalah sebahagian daripada maqasid syariah yang mesti diberi perhatian oleh umat Islam.

Memang benar kemalangan merupakan takdir Ilahi, namun Islam sentiasa mengajar bahawa menjaga keselamatan dan berdisiplin di jalan raya adalah satu kewajipan. Oleh itu, sentiasalah berdoa agar Allah mempermudah segala urusan perjalanan kita serta bergantunglah hanya kepada Allah untuk memperolehi keredhaan dan rahmat-Nya.

Hayati sebuah hadis Rasulullah ﷺ sebagai motivasi dan peringatan. Daripada Abdillah bin 'Amr, Rasulullah ﷺ bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا  
نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

Maksudnya: “Seorang muslim (yang sempurna Islamnya) ialah (apabila) muslimin (yang lain) selamat daripada (keburukan) lidahnya dan tangannya, manakala seorang muhajir (yang berhijrah) adalah seseorang yang meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah ﷻ.”

﴿Hadis Riwayat Al-Bukhari﴾

Semoga kita dapat memelihara dua anggota ini agar tidak membebankan insan lain terutamanya apabila berada di jalan raya.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,**

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, marilah sama-sama kita menghayati kesimpulan berikut. Mudah-mudahan ia menjadi pedoman dan peringatan buat kita semua.

**Pertama:** Nyawa ialah amanah Allah ﷻ. Justeru jangan sesekali mempersiakkannya dengan kelalaian dan kecuaiian.

**Kedua:** Patuhi arahan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agar dapat memberi faedah kepada semua pengguna.

**Ketiga:** Jalan raya bukan gelanggang untuk mempamerkan bakat dan ego masing-masing. Jadikan ia sebagai kemudahan penghubung kehidupan, bukan medan menuju pusara kematian.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ \*

وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ② إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ③

Maksudnya: “Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran.” ﴿Surah al-Asr﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa penjualan hartanah milik orang Islam kepada orang bukan Islam adalah haram sekiranya digunakan bagi tujuan yang bercanggah dengan Syarak seperti rumah ibadat agama lain, kilang makanan haram, ladang khinzir, pusat hiburan dan perjudian. Secara umum, hukum menjual tanah orang Islam kepada bukan Islam adalah tidak harus, kecuali dalam keadaan darurat yang benar-benar menepati Maqasid Syariah serta dengan syarat:

1. Tanah tersebut bukan dalam kawasan majoriti penduduk Islam, bukan tanah rezab atau khusus untuk Bumiputera Islam
2. Tidak berpotensi dimanfaatkan untuk urusan agama Islam, telah ditawarkan terlebih dahulu kepada orang Islam dalam tempoh munasabah dan hanya dijual sekadar memenuhi keperluan mendesak tanpa berlebihan.

Fatwa juga menegaskan bahawa semua institusi Islam di Pulau Pinang wajib menjaga serta memperkukuh pemilikan hartanah orang Islam agar sekurang-kurangnya seimbang dengan jumlah populasi Bumiputera Islam di negeri Pulau Pinang yang tercinta ini.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَرِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةً فُؤَلَاوِ فَيُنْعِ آمِنًا مُظْمِنًا سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بَعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'  
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

*Ya Allah, ampunilah dosa kami, dosa ibu bapa kami, kaum keluarga kami,  
serta seluruh umat Islam sama ada yang masih hidup ataupun yang telah  
kembali kepada-Mu.*

*Ya Allah, jauhkanlah kami daripada riba, rasuah, penyelewengan dan  
pengkhianatan serta bersihkan masyarakat kami daripada segala bentuk  
penindasan dan kezaliman.*

*Ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk menunaikan zakat serta  
melaksanakan wakaf melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang  
agar ia menjadi sumber kebaikan dan kemajuan umat Islam di negeri  
yang tercinta ini.*

*Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, tanamkanlah rasa percaya kepada  
pemimpin kami dan jauhkanlah kami daripada fitnah serta perpecahan.  
Rahmatilah para pemimpin negeri dan pihak berkuasa agama agar  
sentiasa Engkau bimbing di atas jalan yang benar.*

*Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan jadikanlah kami  
hamba-hamba-Mu yang Engkau kasihi.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا  
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG